

**TEKS UCAPAN  
YB TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA  
SEMPENA**

**SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN  
KEMPEN KIBARKAN JALUR GEMILANG PERINGKAT  
KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2018**

**PADA**

**16 OGOS 2018**

**(KHAMIS)**

**BERTEMPAT DI**

**KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Yang dihormati

/ Y. B. Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd. Tahir  
Timbalan Menteri Kerja Raya

/ YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

/ YBhg. Datuk Haji Sarani Bin Dollah  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Pengurusan)

/ YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

/ YBrs. Encik Asnawi bin Alias  
Pengurus Besar  
Bahagian Sumber Manusia dan Pengurusan Fasiliti  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg Dato'–Dato', Datin–Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Selamat Sejahtera dan Selamat Petang,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kerana pada petang ini kita dapat menganjurkan satu acara penting untuk meraikan satu agenda Nasional yang diadakan setiap tahun iaitu **Sambutan Hari Kebangsaan Dan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2018.**

2. Seperti yang kita semua maklum, pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kebangsaan 2018 telah berlangsung pada 4 Ogos yang lalu di Padang Kota Lama, Pulau Pinang dan perasmiannya disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr Mahathir Mohammad.

3. Pelbagai acara telah diatur sepanjang Bulan Ogos hingga Sambutan Hari Malaysia pada 16 September seperti Kembara Merdeka Jalur Gemilang yang menjelajah ke seluruh negara, Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan, Pameran MyMerdeka, Acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan serta program-program lain yang menjurus kepada memeriahkan dan menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan 2018.

4. Program-program ini diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan pada hari ini, kita semua Warga Kerja Raya turut bersama-sama menjayakan sambutan Bulan Kebangsaan ini untuk sama-sama menyemai dan seterusnya menyemarakkan semangat kemerdekaan dan patriotism dalam diri setiap warga.

5. Kempen mengibarkan Jalur Gemilang ini juga adalah bukti bahawa kita turut menjadi sebahagian Rakyat Malaysia yang peduli dan

ambil berat dengan Nilai Kemerdekaan yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Semoga kibaran Jalur Gemilang ini akan terus menyalakan obor kecintaan kita kepada Negara Malaysia. Marilah kita jayakan sambutan ini bersama-sama.

6. Saya berdoa agar kita semua dapat terus hidup dalam kepelbagaian, harmoni, seia-sekata, bersatu-padu dan terpahat perasaan kasih sayang yang kukuh kepada negara Malaysia bertepatan dengan tema sambutan iaitu “**Sayangi Malaysiaku**”.

7. Saya akhiri ucapan ini dengan menyeru kepada semua Warga Kerja Raya untuk sentiasa mempertahankan kedaulatan Negara dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada bangsa dan Negara melalui semangat Kemerdekaan di bawah satu bendera. Ayuh Kibarkan Jalur Gemilang! Sayangi Malaysiaku!

Sekian, terima kasih.